

## **UOBM PROMOSI SELURUH LAMAN WEB HERMO 2019**

### **TERMA & SYARAT**

### **UOBM KAD KREDIT DAN/ATAU KAD DEBIT (“KAD”)**

#### **KELAYAKAN**

1. United Overseas Bank (Malaysia) Bhd (271809-K) (“UOBM”) “Promosi Seluruh Laman Web Hermo 2019” (“Promosi”) ini terbuka kepada semua Ahli Kad utama dan tambahan Kredit dan/atau Debit UOBM (“Ahli Kad”) yang mempunyai akaun semasa, sah, yang wujud dan dalam kedudukan kredit yang baik sebagaimana yang ditentukan oleh UOBM atas budi bicara mutlaknya.
2. Promosi ini hanya dibuka kepada Kad Kredit dan/atau Debit UOBM yang dikeluarkan di Malaysia (“Kad”).
3. Promosi ini ditadbir oleh terma-terma dan syarat-syarat Hermo Creative (M) Sdn Bhd (1048520-W) (“Penganjur”) seperti yang dinyatakan dalam Mekanik Promosi.

#### **TEMPOH PROMOSI**

4. Promosi ini bermula dari 1 Julai 2019 sehingga 31 Disember 2019 (kedua – dua tarikh termasuk) kecuali diberitahu sebaliknya (“Tempoh Promosi”).

#### **MEKANIK PROMOSI**

5. Semasa Tempoh Promosi, Ahli Kad berhak menikmati promosi berikut:

##### **Kod Promo: HMXUOBP2P150**

Diskaun 10% di seluruh laman web Hermo dengan perbelanjaan minimum RM150.

- 1) Untuk menebus kod promo, ahli kad perlu log masuk ke akaun Hermo mereka.
- 2) Pengguna baru dikehendaki mendaftar akaun di [www.hermo.my](http://www.hermo.my) untuk menggunakan kod promo.
- 4) Nilai kod promo adalah 10% diskau di seluruh laman web Hermo dengan perbelanjaan minimum RM150.
- 5) Kod promo boleh ditebus pada semua platform (Desktop, App Mudah Alih).
- 6) Hanya satu (1) kod promo dibenarkan untuk digunakan dalam satu pesanan / transaksi.
- 7) Kod Promo tidak boleh dikembalikan dan / atau boleh ditukar dengan wang tunai dan kredit.
- 8) Diskaun dihadkan pada RM18 setiap transaksi.
- 9) Diskaun tidak sah bagi promosi OMO / XOMO dan / atau bersamaan dengan promosi lain di mana pengecualian voucher dikenakan.
- 10) Bayaran mesti dibuat dengan Kad UOB dan / atau Kad Debit UOB.

#### **TERMA DAN SYARAT AM**

6. Dengan menyertai Promosi ini, Ahli Kad bersetuju untuk terikat dengan Terma dan Syarat ini termasuk apa-apa pindaan dan / atau perubahan kepadanya, terma dan syarat Perjanjian UOBM Visa / MasterCard dan Terma dan Syarat-syarat Kad Debit MasterCard UOBM.
7. Keputusan Penganjur dan/atau UOBM ke atas semua perkara yang berkaitan dengan Promosi ini adalah muktamad, konklusif dan mengikat Ahli Kad. Sebarang rayuan dan/atau surat-menyurat daripada Ahli Kad tidak akan dilayan.

8. UOBM tidak akan bertanggungjawab untuk sebarang salah tafsir atau salah nyataan fakta oleh mana-mana pihak ketiga yang tidak dibenarkan berhubung dengan Promosi dan / atau Pulangan Tunai yang ditawarkan dan diterbitkan dalam mana-mana media, bahan pemasaran atau pengiklanan.
9. UOBM tidak akan bertanggungjawab dan tidak akan menerima apa-apa liabiliti dalam apa jua bentuk dan walau bagaimanapun timbul atau dialami oleh Ahli Kad yang dihasilkan secara langsung atau tidak langsung dari Promosi kecuali jika timbul daripada kecualian UOBM atau salah laku yang sengaja berkaitan dengan Promosi yang terkandung di sini.
10. UOBM tidak bergabung dengan Pengajur dan tidak membuat sebarang representasi atau waranti berkenaan dengan kualiti barang dan/atau produk dan/atau dibekalkan oleh pihak Pengajur.
11. UOBM tidak akan bertanggungjawab bagi apa-apa kerosakan atau ketidakpuasan hati terhadap kualiti barang dan/atau produk dan/atau perkhidmatan yang dibekalkan oleh pihak Pengajur.
12. Sekiranya berlaku apa-apa percanggahan antara terma dan syarat ini dengan sebarang pengiklanan, promosi, publisiti dan bahan-bahan lain yang berhubungan dengan atau berkaitan dengan Promosi ini, terma dan syarat ini akan diguna pakai.
13. Setakat yang dibenarkan oleh undang-undang, UOBM dengan nyata mengecualikan dan menafikan sebarang perwakilan, waranti atau pengendorsan, tersurat atau tersirat, bertulis atau lisan, tanpa had kepada mereka diterbitkan dalam mana-mana media, bahan pemasaran atau pengiklanan, termasuk tetapi tidak terhad kepada , apa-apa jaminan kualiti, kebolehdagangan atau kesesuaian untuk tujuan tertentu berkenaan dengan Promosi.
14. UOBM berhak mengikut budi bicara mutlaknya untuk membatalkan, menamatkan atau menggantung Promosi secara keseluruhan atau sebahagian, pada bila-bila masa dengan notis terlebih dahulu. Untuk mengelakkan keraguan, pembatalan, penamatan atau penggantungan oleh UOBM Promosi tidak akan memberi hak kepada Ahli Kad apa-apa tuntutan atau pampasan terhadap UOBM untuk sebarang dan semua kerugian atau kerosakan yang ditanggung atau dilakukan oleh Ahli Kad sama ada hasil langsung atau tidak langsung pembatalan, penamatan atau penggantungan tersebut.
15. UOBM berhak untuk menambah, memadam, menggantung atau mengubah terma dan syarat Promosi ini, dari semasa ke semasa, secara keseluruhan atau sebahagian, mengikut budi bicara mutlaknya, dengan memberi notis terlebih dahulu kepada Ahli Kad melalui paparan di laman web UOBM, memaparkan notis di mana-mana cawangan UOBM dan/atau memasukkan pernyataan dalam penyata Akaun.
16. Terma dan syarat ini akan ditadbir oleh dan ditafsirkan mengikut undang-undang Malaysia dan Ahli Kad bersetuju untuk menyerahkan kepada bidang kuasa tidak eksklusif mahkamah Malaysia.

**TAMAT**